

Pendekatan pengurusan dalam Novel Kanak-Kanak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Management Approaches in Children's Novels selected published by the Language And Library Council (DBP)

Nur Athirah Zulkipali* dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400, Serdang Selangor, Malaysia*

**Corresponding author: nrafidah@upm.edu.my*

Received: 12 August 2025; **Revised:** 15 October 2025; **Accepted:** 11 November 2025; **Published:** 27 November 2025

To cite this article (APA): Zulkipali, N. A., & Nik Muhamad Affendi, N. R. (2025). Pendekatan pengurusan dalam Novel Kanak-Kanak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). *PENDETA*, 16(2), 93-105. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.8.2025>

ABSTRAK

Bahan bacaan kanak-kanak merupakan satu medium untuk mendidik dan menghibur kanak-kanak. Kajian terhadap Pendekatan Pengurusan dalam novel kanak-kanak pilihan ini bertujuan untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul serta memanfaatkan kesemua prinsip-prinsip pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Prinsip-prinsip pengurusan tersebut dikenal pasti melalui peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh watak-watak yang terdapat dalam novel kanak-kanak. Kajian ini dijalankan berlandaskan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti aspek pengurusan yang terdapat dalam novel kanak-kanak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka serta menganalisis aspek pengurusan yang terdapat dalam novel kanak-kanak pilihan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan teori Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) semasa proses penganalisan teks novel kanak-kanak pilihan. Teori Pendekatan Pengurusan ini mengandungi lima prinsip dalam pengurusan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Penstafan (Tenaga Kerja) dan Prinsip Kawalan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek pengurusan sememangnya diterapkan dalam novel kanak-kanak. Hal ini membuktikan bahawa kemahiran pengurusan bukan hanya relevan kepada dunia orang dewasa, tetapi turut digambarkan dan diaplikasikan dalam novel kanak-kanak. Penerapan ini dapat dilihat melalui pelbagai situasi yang menonjolkan nilai perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan, yang secara tidak langsung mengajar kanak-kanak tentang kepentingan mengurus kehidupan dengan teratur dan bertanggungjawab. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa karya sastera kanak-kanak berpotensi menjadi medium didikan awal dalam membentuk kemahiran pengurusan diri dan sosial dalam kalangan kanak-kanak.

Kata Kunci: sastera; novel; kanak-kanak; pengurusan; didikan awal

ABSTRACT

Children's reading materials serve as a medium to educate and entertain young readers. This study on the Management Approach in selected children's novels aims to address existing issues and apply the management principles proposed by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). These management principles are identified through events experienced by the characters in the selected children's novels. The study is guided by two objectives: to identify the management aspects present in the selected children's novels published by Dewan Bahasa dan Pustaka, and to analyse these aspects based on the Management Approach by Mohamad Mokhtar Abu Hassan. A qualitative method is employed by applying the Management Approach theory during the analysis

of the selected children's texts. This theory comprises five management principles Planning, Organising, Leading, Staffing, and Controlling. The findings indicate that management aspects are indeed incorporated in children's novels. This demonstrates that management skills are not only relevant to the adult world but are also portrayed and applied within children's literature. Such incorporation can be observed through various situations that highlight the values of planning, organising, leadership, staffing, and control, which indirectly teach children the importance of managing life in an orderly and responsible manner. The implication of this study indicates that children's literary works have the potential to serve as an early educational medium in developing self-management and social skills among children.

Keywords: literature; novel; children; management; early education

PENGENALAN

Sastera kanak-kanak merupakan satu bidang yang sangat menarik dan penting dalam permulaan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak. Sastera kanak-kanak memainkan peranan dalam mewujudkan dunia kanak-kanak yang penuh dengan kegembiraan. Namun begitu, sastera kanak-kanak bukan sahaja sebagai medium hiburan, malah sebagai medium pendidikan awal bagi kanak-kanak sebelum menempuh ke alam dewasa. Pada peringkat ini, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai perkara yang baharu seperti adab berkomunikasi, pengurusan diri, nilai moral dan lain-lain. Oleh hal yang demikian, penulisan sastera kanak-kanak ini amat penting bagi dunia kanak-kanak kerana ianya permulaan bagi kanak-kanak untuk membentuk perkembangan diri.

Dari aspek sejarah, perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat Melayu mula dikesan melalui tradisi sastera secara lisan. Sastera lisan atau lebih dikenali sebagai sastera rakyat merupakan sastera yang ditujukan oleh orang dewasa. Namun, sastera lisan ini telah tersebar dengan luas sehingga diminati oleh kanak-kanak. Menurut Hadijah Rahmat (2006), kesusasteraan kanak-kanak yang dahulunya tersebar secara lisan kemudiannya berkembang melalui empat peringkat iaitu peringkat permulaan (sebelum 1924), peringkat percubaan (1924-1956), peringkat pembentukan (1957-1970) dan peringkat perluasan (1970-1982).

Pada peringkat permulaan (sebelum 1924), bahan bacaan kanak-kanak mula diterbitkan secara bertulis dan buku pertama yang diterbitkan ialah *Hikayat Penerang hati* (1901). Kemudian, pada peringkat percubaan (1924-1956), Pejabat Karang Mengarang ditubuhkan bertujuan untuk mengeluarkan sebanyak mungkin buku-buku sekolah Melayu dan mengeluarkan bahan-bahan bacaan untuk masyarakat Melayu amnya. Pada peringkat pembentukan (1957-1970), DBP bergiat aktif dalam penerbitan buku kanak-kanak, malah turut menganjurkan kegiatan-kegiatan seperti peraduan-peraduan mengarang, seminar-seminar dan bengkel-bengkel penulisan bagi memajukan kesusasteraan kanak-kanak.

Pada peringkat perluasan sastera kanak-kanak (1970-1982), kegiatan peraduan dan seminar dijalankan dengan aktif di Malaysia. Sebanyak sembilan seminar sastera kanak-kanak dan sebelas peraduan mengarang dalam pelbagai genre sastera kanak-kanak berlangsung di Malaysia. Hal ini membuktikan bahawa sambutan masyarakat atau peminat sastera terhadap sastera kanak-kanak amat beransangkan. Masyarakat juga menerima baik usaha pelbagai pihak seperti usaha kerajaan dalam memperluaskan sastera kanak-kanak di Malaysia. Malah, penulisan sastera kanak-kanak masih lagi bergiat aktif dalam kalangan penulis-penulis.

Ekoran perkembangan kesusasteraan kanak-kanak ini, maka pelbagai genre sastera kanak-kanak dihasilkan seperti cerita rakyat, novel, cerpen, drama, puisi, biografi dan cerita sejarah. Novel kanak-kanak merupakan salah satu genre sastera yang giat ditulis oleh para pengarang. Walaupun penulisan atau penerbitan novel kanak-kanak mempunyai berbagai tema, namun setiap cerita yang ditulis oleh pengarangnya mempunyai sasaran serta aspek yang ingin didedahkan kepada kanak-kanak. Setiap novel yang dihasilkan sudah pasti mempunyai nilai dan pengajarannya kerana tujuan penulisan novel bukan sahaja sebagai hiburan malah sebagai alat untuk mendidik kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, kanak-kanak harus didedahkan kepada aspek pengurusan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek pengurusan ini penting untuk mendidik kanak-kanak tentang asas pengurusan dalam kehidupan supaya kanak-kanak dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Aspek pengurusan amat penting diterapkan dalam novel kanak-kanak kerana ia berperanan mendidik dan membentuk kemahiran hidup sejak usia awal. Melalui penerapan prinsip seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan, kanak-kanak dapat belajar tentang tanggungjawab, disiplin serta kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Novel yang mengandungi elemen pengurusan membantu mereka memahami kepentingan merancang tindakan sebelum bertindak, mengurus masa dengan baik, serta menilai akibat setiap pilihan yang dibuat. Selain itu, aspek ini juga menanam nilai kepimpinan dan kerja berpasukan melalui interaksi antara watak yang bekerjasama menyelesaikan masalah, seterusnya membentuk keupayaan sosial dan emosi yang seimbang. Dengan cara ini, sastera kanak-kanak bukan sekadar menjadi bahan hiburan, tetapi juga wahana pendidikan yang membina pemikiran strategik, nilai proaktif, dan semangat bertanggungjawab. Penerapan aspek pengurusan dalam karya kanak-kanak akhirnya dapat melahirkan generasi muda yang berfikir sistematik, beretika, serta bersedia menjadi pemimpin berwawasan yang mampu mengurus diri dan masyarakat dengan baik. Dalam konteks kajian ini, pengurusan merujuk kepada keupayaan watak atau individu dalam karya untuk merancang, menyusun strategi, mengurus sumber, memimpin, dan mengawal tindakan secara bertanggungjawab bagi mencapai matlamat tertentu. Kajian ini menampilkan keunikan melalui penerapan *Pendekatan Pengurusan* oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) dalam analisis novel kanak-kanak, sesuatu yang jarang diterokai dalam bidang sastera. Keunikan ini memperlihatkan bagaimana prinsip pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan, dan kawalan yang boleh diterjemahkan dalam karya untuk mendidik kanak-kanak tentang pentingnya pengurusan diri dan sosial sejak usia awal.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengupas beberapa novel kanak-kanak terpilih terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan menghuraikan aspek pengurusan yang diterapkan dalam novel tersebut. Antara novel kanak-kanak pilihan terbitan DBP yang digunakan ialah Iman dan Ah Kiong karya Juri Durabi (2017), Istana Batang Aiskrim karya Nurul Aida Abd Rahman (2018), Kisah Si Rambai karya Zaid Md Saman (2022) dan Mengusung Rumah Lama karya Ahmad Safarman Dollah (2023).

Sorotan Kajian

Kajian tentang Pendekatan Pengurusan dalam karya sastera dikaji oleh Saravanan P. Veeramuthu (2019) dengan tajuk kajiannya ialah *Kepimpinan Dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh manakah pendekatan pengurusan menonjol dalam karya ini dengan memberi tumpuan kepada prinsip kepemimpinan dalam dimensi pentadbiran yang dilihat melalui aspek struktur teks iaitu dari segi watak dan perwatakan Dirik yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian ini membataskan kepada tiga peristiwa terpilih yang memperlihatkan watak pemimpin yang mempunyai ciri-ciri karismatik dalam novel ini. Dapatan kajian mendapati bahawa watak Dirik menggunakan pengurusan sebagai wahana dan mekanisme yang bijak dan berpandangan jauh. Tambahan pula, pendekatan pengurusan ini memperlihatkan kemampuan dan keupayaan Dirik sebagai seorang pemimpin yang berkeupayaan Dirik sebagai seseorang pemimpin yang berkeupayaan untuk mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan masyarakatnya. Secara keseluruhannya, kepemimpinan yang ditonjolkan dalam diri Dirik dalam membantu masyarakat untuk mengharungi cabaran serangan yang telah menghancurkan masa depan orang Asli pada era 1890-an.

Seterusnya, kajian oleh Sara Beden (2018) tentang *Perancangan Bestari Dalam "Hikayat Khoja Maimun": Aplikasi Prinsip Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menangani isu moral yang terdapat dalam prosa tradisional. Prinsip perancangan menjadi panduan untuk menganalisis permasalahan yang terdapat dalam "*Hikayat Khoja Maimun*". Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Bayan merupakan watak haiwan yang berperanan untuk menyelesaikan masalah pelanggaran moral dan etika yang dilakukan oleh Bibi Zainab. Berdasarkan analisis teks yang telah dijalankan, strategi yang digunakan oleh Bayan ialah pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberi nasihat. Secara keseluruhannya, pembentukan strategi penyelesaian masalah yang dilakukan oleh Bayan memperlihatkan bahawa perancangan bestari dan sistematik amat penting, malah dapat mengungkapkan kebijaksanaan dan daya intelektual serta kejaman pemikiran dalam sastera.

Akhir sekali, Mohamad Zuber Ismail (2017) dalam kajiannya bertajuk *Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kepentingan prinsip-prinsip pendekatan pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan yang terdapat dalam cerita lipur lara

terpilih iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal* (1985), *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (1998), *Hikayat Malim Deman* (1998), *Hikayat Malim Dewa* (1998) dan *Hikayat Raja Muda* (1998). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti prinsip-prinsip pendekatan pengurusan yang terdapat dalam cerita lipur lara terpilih, menganalisis cerita lipur lara terpilih berdasarkan prinsip-prinsip pendekatan pengurusan dan merumuskan kepentingan prinsip-prinsip pengurusan yang diketengahkan dalam cerita lipur lara terpilih. Kajian ini menggunakan kelima-lima prinsip pengurusan yang diutarakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan iaitu prinsip perancangan, prinsip kepimpinan, prinsip pengorganisasian, prinsip penstafan dan prinsip kawalan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita lipur lara mendampakkan suatu kecenderungan yang tinggi dalam menyerlahkan prinsip pengurusan yang bertitik tolak daripada analisis karya tersebut.

Oleh itu, berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap sorotan kajian lepas mendapati bahawa pengurusan dalam novel kanak-kanak kurang mendapat perhatian para pengkaji. Oleh itu, kajian tentang Pendekatan Pengurusan dalam Novel Kanak-kanak Terpilih Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dijalankan bagi mengisi lompong-lompong kosong serta memperbanyakkan kajian dalam genre kesusasteraan Kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap lima buah Novel kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan memfokuskan kepada prinsip-prinsip pengurusan yang terdapat dalam Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016: 5), pendekatan pengurusan ini merupakan satu pendekatan baru yang diperkenalkan dalam kritikan kesusasteraan Melayu. Dalam kajian kritikan kesusasteraan pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dan digunakan oleh para pengkritik seperti pendekatan struktural, pendekatan formalistik, pendekatan moral, pendekatan sejarah dan sebagainya. Pendekatan-pendekatan ini digunakan untuk menganalisis dan menilai karya sastera mengikut pendekatan yang digunakan dalam sesebuah kajian. Namun begitu, tiada pendekatan yang menerangkan aspek pengurusan dalam karya sastera secara menyeluruh. Oleh sebab itu, pada tahun 2013, pendekatan pengurusan ini dibina bagi menilai dan menganalisis teks karya sastera. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip pendekatan pengurusan dalam menganalisis dan menilai teks karya sastera. Terdapat lima (5) prinsip-prinsip pengurusan yang diutarakan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Penstafan (Tenaga Kerja) dan Prinsip Kawalan.

Prinsip Perancangan

Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022: 4), prinsip perancangan merupakan satu prinsip yang amat penting dalam pengurusan. Hal ini dikatakan demikian kerana perancangan menyediakan hal tuju yang jelas bagi sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat. Pengurusan perancangan dalam sesebuah organisasi menjadi pengukur kepada prestasi organisasi tersebut. Dengan adanya perancangan, kelemahan dalam organisasi dapat dikesan dengan lebih awal dan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud. Tambahan pula, perancangan membantu ahli atau tenaga kerja mengetahui dan memahami dengan jelas tentang peranan dan sumbangan yang harus diberikan agar matlamat organisasi tercapai. Melalui perancangan, sesebuah organisasi dapat mengukur prestasi sama ada matlamat yang ingin dicapai berjaya atau tidak.

Terdapat beberapa langkah atau peringkat yang terdapat dalam perancangan. Langkah atau peringkat perancangan menurut Jaafar Muhammad (1992: 42) ialah, Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016: 8) menyatakan enam langkah atau peringkat dalam perancangan, iaitu:


Rajah 1 Enam Langkah dalam Perancangan



Prinsip Pengorganisasian

Menurut Mokhtar Abu Hassan (2022: 8), pengorganisasian didefinisikan sebagai gabungan dua orang atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau matlamat. Pengorganisasian dalam sesebuah organisasi merangkumi sebuah jawatankuasa seperti dalam Rajah 2 di bawah:

Rajah 2 Struktur Organisasi dalam Pengorganisasian



Prinsip Kepimpinan

Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016:10) ialah seni atau proses mengetahui dan mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka, supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Melalui konsep kepemimpinan yang diutarakan oleh Mohd Mokhtar Abu Hassan ini telah membuktikan bahawa kepemimpinan amat penting bagi sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah organisasi tanpa pemimpin tidak akan dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Prinsip Kawalan

Kawalan boleh ditakrifkan sebagai satu proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan (Jaafar Muhammad, 1992: 213). Kawalan dalam sesebuah organisasi juga penting kerana dengan adanya kawalan dapat memastikan semua aktiviti yang dirancang dalam organisasi berjalan dengan lancar mengikut perancangan. Dengan adanya kawalan dalam sesebuah organisasi dapat membantu mengenal pasti kelemahan dan masalah yang timbul dalam jangka masa awal. Hal ini secara tidak langsung dapat mengatasi masalah-masalah yang lebih berlaku dalam sesebuah organisasi.

Prinsip Penstafan (Tenaga Kerja)

Penstafan merupakan satu proses pengambilan dan pemilihan sumber manusia secara berterusan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong yang terdapat dalam sesebuah organisasi. Harold Koontz dan Heinz Weihrich dalam Mohd Mokhtar Abu Hassan (2016:13) mendefinisikan penstafan (tenaga kerja) sebagai mengisi dan memelihara agar terisi, jawatan dalam struktur organisasi dengan mengenal pasti keperluan tenaga kerja, menginventorikan orang-orang yang boleh didapati, mengambil, memilih, menempatkan, menaikkan pangkat, menilai, merancang kerjaya, memberi pampasan dan melatih atau kalau tidak pun memajukan baik calon mahupun pemegang kerja sekarang untuk menyempurnakan tugas mereka dengan cekap dan berkesan. Sebuah organisasi tanpa tenaga kerja tidak bergerak dengan sendirinya. Hal ini menunjukkan bahawa tenaga kerja amat penting bagi sesebuah organisasi kerana tenaga kerja adalah individu yang akan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang telah dirancang.

Rumusannya, kewajaran pemilihan teori ini adalah kerana ia selaras dengan objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek pengurusan yang terkandung dalam novel kanak-kanak terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berdasarkan Pendekatan Pengurusan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan. Walaupun terdapat pelbagai teori dan pendekatan pengurusan yang diperkenalkan oleh sarjana lain, pengkaji memilih pendekatan ini kerana prinsip-prinsip pengurusan yang digariskan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan menepati kriteria asas yang relevan dalam konteks karya sastera kanak-kanak. Pendekatan ini sesuai diaplikasikan untuk menilai nilai didikan, pembentukan sahsiah serta kemahiran pengurusan diri yang digarap dalam teks sastera kanak-kanak.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian dan perbincangan yang diperolehi semasa proses pengumpulan data dan penganalisan data, pengkaji berjaya mengenal pasti prinsip-prinsip pengurusan yang terdapat dalam novel-novel kanak-kanak pilihan terbitan DBP.

Prinsip Perancangan

Merujuk kembali definisi perancangan yang dinyatakan oleh Gary Dessler dalam Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016: 7), “perancangan sebagai kaedah-kaedah yang terperinci yang diaturkan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan sesuatu tindakan”. Andrew F. Sikula (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2016: 7) mengatakan bahawa “perancangan sebagai perancangan mengandungi aktiviti-aktiviti fizikal dan mental yang dibuat sebelum berlakunya sesuatu”. Oleh itu, Mohamad

Mokhtar Abu Hassan (2016: 8) merumuskan “perancangan sebagai aktiviti-aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat itu”. Melalui konsep atau definisi perancangan yang telah diperjelaskan mendapati bahawa terdapat beberapa buah novel kanak-kanak mengaplikasikan prinsip perancangan dalam penulisan karya kanak-kanak.

Sebagai contoh, dapat dilihat perancangan dalam novel *Mengusung Rumah Lama* (2023), matlamat utama perancangan untuk mengusung rumah ini adalah untuk memastikan aktiviti pengusungan rumah berjaya. Untuk menjayakan aktiviti pengusungan rumah, penduduk kampung telah merangka beberapa strategi. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013: 8) mengemukakan enam langkah perancangan dalam prinsip perancangannya iaitu (i) menetapkan matlamat, (ii) merangka, (iii) wujudkan pilihan alternatif, (iv) menilai langkah-langkah alternatif, (v) memilih satu atau beberapa cara yang paling efektif dan (vi) kajian semula keberkesanan.

Namun begitu, untuk menjayakan aktiviti mengusung rumah, penduduk kampung menggunakan dua langkah perancangan daripada enam langkah perancangan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) iaitu;

Rajah 3 Dua Langkah dalam Perancangan dalam Aktiviti Mengusung Rumah



Penetapan strategi yang sistematik oleh penduduk kampung telah menjayakan aktiviti pengusung rumah lama itu. Perancangan awal dilakukan dengan melantik ahli jawatankuasa bagi aktiviti pengusungan rumah semasa mesyuarat bersama penduduk kampung. Hasil mesyuarat tersebut, Tuk Ketua Hafiz dilantik sebagai pengerusi majlis. Tuk Ketua Hafiz memainkan peranannya dengan memilih seorang tekong yang akan mengetuai aktiviti mengusung iaitu Abang Shahrulmunir. Peranan tekong dalam aktiviti pengusungan rumah bukan sahaja mengusung rumah, malah berperanan sebagai penunjuk arah bagi memastikan rumah yang diusung tidak dilanggar pokok atau halangan lain.

Aktiviti mengusung rumah dimulai dengan mengeluarkan peralatan-peralatan yang terdapat di dalam rumah seperti perabot dengan bantuan orang kampung iaitu secara bergotong-royong. Hal ini bertujuan untuk meringankan beban rumah tersebut serta mengelakkan kerosakan semasa proses mengusung. Proses seterusnya adalah mengikat setiap penjuru menggunakan tali. Buluh-buluh yang dikumpulkan oleh orang kampung digunakan bagi mengikat ketat ke pelantar dan setiap penjuru rumah bagi memudahkan lagu urusan badang-badang untuk memegang, mengangkat dan mengusung rumah.

Seramai 100 orang badang dipilih dalam aktiviti pengusungan rumah lama tersebut. Setiap badang mengambil posisi atau kedudukan masing-masing. Sebelum memulakan pengusungan, Haji Khalil yang merupakan penduduk kampung yang paling lama menetap di situ mengarahkan badang-badang supaya memastikan buluh-buluh dan batang nibung diikat dengan tepat supaya rumah tidak senget atau bergoyah. Abang Shahmunir sebagai tekong yang memberi arahan dan memberitahu para badang sekiranya terhadap halang di hadapan. Hasil daripada perancangan yang sistematik oleh penduduk kampung rumah tersebut berjaya diusung tanpa sebarang halangan dan kecederaan

Prinsip Pengorganisasian


Pengorganisasian merupakan satu elemen yang penting yang perlu ada dalam semua organisasi. Tanpa organisasi sesebuah agensi atau program yang dijalankan tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Walaupun mempunyai tenaga kerja yang ramai tetapi tidak mempunyai organisasi yang sistematik, maka sesuatu yang dirancang tidak akan berjaya. Hal ini dikatakan demikian kerana pengorganisasian yang menentukan bidang tugas yang sesuai untuk setiap pekerja dalam setiap unit atau jabatan. Hal ini bertepatan dengan konsep organisasi yang diutarakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022: 8) iaitu gabungan dua atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkoordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau matlamat. Untuk mendapatkan pengurusan yang berkesan, seorang pengurus

haruslah dapat mengorganisasikan sumber-sumber manusia atau sumber-sumber fizikal. Setiap pekerja di bawah carta organisasi sesebuah unit atau jabatan mempunyai peranannya tersendiri. Namun begitu, setiap peranan yang dimainkan oleh para pekerja mempunyai hubung kait yang rapat dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi.

Justeru, dalam organisasi, pengorganisasian merupakan penentu kepada cara mana matlamat tersebut akan dicapai dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh tiap-tiap pekerja dan staf dalam sesebuah organisasi serta hubungannya antara satu sama lain (Jaafar Muhamad, 1992: 62). Pengorganisasian dalam sesebuah organisasi dapat dianalogikan dengan proses penyusunan ahli dalam organisasi mengikut kepakaran dan pengalaman masing-masing. Oleh itu, dalam membentuk pengorganisasian yang sistematik, terdapat beberapa langkah dalam proses pengorganisasian. Proses pengorganisasian ini bertujuan untuk membuat penyesuaian berasaskan kepada darjah pengkhususan dan bilangan jabatan yang hendak diadakan, sejauh mana autoriti yang hendak diturunkan kepada ketua-ketua jabatan (Jaafar Muhammad, 1993: 50).

Rajah 2 Carta organisasi Sekolah Kebangsaan Seri Cempaka

Carta Organisasi Sekolah Kebangsaan Seri Cempaka



Rajah 2 menunjukkan carta organisasi bagi Sekolah Kebangsaan Seri Cempaka yang terdapat dalam novel *Kisah Si Rambai* (2022). Carta organisasi yang terdapat dalam sistem pendidikan di Malaysia telah diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi semua sekolah yang terdapat di Malaysia. Walaupun carta organisasi tersebut tidak dinyatakan dengan lengkap tetapi ianya telah memperlihatkan adanya pengorganisasian dalam jabatan tersebut. Kesemua jawatankuasa yang terdapat dalam rajah 4 merupakan jawatankuasa penting yang perlu ada dalam carta organisasi sekolah.

Berdasarkan novel *Kisah Si Rambai* (2022) Guru Besar, Guru Penolong Kanan 1, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Ketua Aik Disiplin sebagai jawatankuasa tertinggi dalam carta organisasi sekolah memainkan peranan yang penting dalam membasmi masalah tingkah laku murid. Dengan adanya carta organisasi, maka semua tenaga kerja dapat bergerak aktif dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku agar dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Sebagai contoh, Cikgu Afiq selaku ketua aik disiplin menjalankan tanggungjawabnya dalam membanteras masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah. Cikgu Afiq menjalankan tugasnya apabila menerima laporan daripada Cikgu Adra selaku guru kelas 6 Maju bahawa Rambai, Vishu dan rakan-rakannya tidak hadir ke sekolah. Cikgu Afiq dan pihak sekolah mengambil langkah awal apabila mendapati Rambai, Vishu dan rakan-rakannya tidak hadir ke sekolah selama beberapa hari iaitu dengan mengadakan perjumpaan bersama ibu bapa pelajar 6 Maju di Kampung Estet. Hasil perjumpaan tersebut mendapati bahawa ketidakhadiran Rambai disebabkan oleh tayar basikalnya yang pancit malah lebih menyayat hati apabila bapanya tidak mampu membaiki tayar basikalnya yang pancit. Namun begitu, Vishu bukan tidak hadir ke sekolah, namun memonteng sekolah kerana melakukan kesalahan iaitu

merampas surat tunjuk sebab tidak hadir ke sekolah Rambai dari tangan Sumayya. Disebabkan oleh itu, Vishu ponteng sekolah kerana takut di hukum oleh guru disiplin.

Prinsip Kepimpinan

Menurut *Fulmer dalam Razali Mat Zin (1988: 9)*, beliau mendefinisikan kepimpinan sebagai keupayaan dan kekuatan untuk menyakinkan orang lain bagi bekerja keras ke arah sesuatu matlamat, dan kemahiran atau kebolehan untuk membantu mereka mencapainya. *Sabri Hj. Hussin et. al (2004: 279)* pula mendefinisikan kepimpinan sebagai proses untuk mengarahkan dan mempengaruhi ahli-ahli yang melakukan aktiviti secara berkumpulan supaya mereka bermotivasi untuk berkelakuan ke arah kecemerlangan kerja bagi memenuhi dan menyampaikan matlamat sesebuah organisasi. Dalam pengurusan, aspek kepimpinan merupakan aspek penting yang perlu ada dalam pengorganisasian. Tanpa pemimpin, sesebuah organisasi tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, seorang pemimpin yang berkesan haruslah memiliki sifat tanggungjawab dalam sesebuah organisasi. Sifat ini merupakan salah satu sifat keberkesanan kepimpinan yang dikemukakan oleh *R.M Stoghill* iaitu kebijaksanaan, pendidikan, tanggungjawab, penglibatan sosial dan status sosioekonomi para pemimpin (*Jaafar Muhammad, 1992: 198*). Watak *Shahmunir* dalam novel *Mengusung Rumah Lama (2023)* menunjukkan beliau sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mengambil tanggungjawab yang diberikan oleh tuan rumah untuk membuat perancangan sebelum mengusung rumah tersebut. Tambahan pula, beliau juga memainkan peranannya sebagai seorang pemimpin dengan memberi arahan dan penunjuk arah semasa proses mengusung rumah bagi memastikan rumah yang diusung tidak melanggar pokok atau halangan lain.

Selain itu, seorang pemimpin yang berkesan haruslah sentiasa berpandangan jauh. Hal ini dapat dilihat melalui novel *Iman dan Ah Kiong (2017)*. Watak guru besar sebagai seorang yang berpandangan jauh dalam menangani sesuatu masalah. Hal ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai ciri seorang pemimpin yang berkesan selaras dengan apa yang diperkatakan oleh *Rahim Abdullah (1994: 90)* iaitu seseorang pemimpin mesti berkehadapan dalam melihat sesuatu yang bakal ditempuh. Keadaan ini juga dikenali sebagai tanggapan dengan melihat perkara yang mungkin berlaku dengan penuh sistematik. Hal ini dibuktikan apabila beliau mengambil tindakan tegas terhadap *Iman dan Ah Kiong* apabila mereka terbukti bersalah iaitu membawa rokok ke sekolah. Beliau terus mengambil tindakan tegas terhadap *Iman dan Ah Kiong* apabila mereka terbukti membawa rokok ke sekolah. Beliau menjatuhkan hukuman iaitu menyuruh mereka mencuci tandas kerana telah melanggar peraturan sekolah. Tindakan yang dilakukan oleh guru besar adalah untuk memberi pengajaran kepada *Iman, Ah Kiong* dan pelajar-pelajar lain supaya tidak melanggar peraturan sekolah jika tidak mahu dijatuhkan hukuman yang berat. Ini membuktikan bahawa beliau berpandangan jauh terhadap kesan negatif apabila masalah disiplin murid terus berlarutan serta memberi pengajaran kepada murid lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

Prinsip Penstafan (Tenaga Kerja)

Penstafan menurut *Azman Che Omar (2003:96)* ialah satu proses pengurusan sumber manusia yang merangkumi semua aktiviti yang diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan tenaga kerja dalam mencapai objektif organisasi. Penstafan bertujuan untuk mendapatkan pekerja yang menepati spesifikasi kemahiran, pengetahuan dan keupayaan untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya. Penstafan merupakan salah satu elemen penting dalam sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana penstafan atau tenaga kerja merupakan individu yang menggerakkan organisasi. Tanpa tenaga kerja carta organisasi tidak dapat ditubuhkan malah sistem organisasi juga tidak dapat berfungsi. Oleh itu, setiap tenaga kerja perlu diberikan jawatan atau tugas yang sesuai dengan kebolehan dan kemampuan agar mereka dapat melakukan tugas dengan tekun, jujur dan amanah. Secara amnya, tenaga kerja merupakan individu yang akan menentukan hala tuju sesebuah organisasi sama ada mencapai matlamat atau sebaliknya.

Oleh yang demikian, novel *Istana Batang Aiskrim (2018)* menunjukkan adanya tenaga kerja dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh, dapat dilihat melalui dimensi pendidikan, novel tersebut memaparkan watak-watak guru iaitu *Cikgu Dini, Ustazah Bushra, Cikgu Yusri, Cikgu Fahmi* dan *Cikgu Hafiz*. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas tugas atau peranan mereka dalam novel tersebut, namun

secara harfiahnya, semua individu mengetahui bahawa guru merupakan individu yang berkhidmat dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai seorang pendidikan. Oleh itu, telah menjelaskan bahawa guru merupakan tenaga kerja di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Prinsip Kawalan

Kawalan ditakrifkan sebagai satu proses untuk menentukan atau menjamin keupayaan kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan dalam sesebuah organisasi (Jaafar Muhammad, 1992: 213). Kawalan merupakan elemen yang berkait rapat dengan aspek perancangan. Tanpa kawalan, perancangan yang dirancang tidak akan berjaya dilaksanakan.

Dalam konteks pentadbiran sekolah, aspek kawalan terhadap masalah sosial pelajar merupakan elemen yang sangat dititikberatkan. Hal ini dapat dilihat melalui novel *Iman dan Ah Kiong* (2017) dan *Kisah Si Rambai* (2022). Novel *Iman dan Ah Kiong* menampilkan watak guru besar yang sangat efektif dalam menangani masalah disiplin pelajar. Ini bermakna bahawa guru besar merupakan individu yang berperanan dalam mengawal masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Tindakan awal diambil apabila menerima aduan tentang kesalahan disiplin yang dilakukan oleh Iman dan Ah Kiong iaitu menconteng dinding sekolah dan menghisap rokok di kawasan sekolah. Beliau menjatuhkan hukuman kepada Iman dan Ah Kiong selepas info tersebut disahkan. Beliau mendapati bahawa Iman dan Ah Kiong membawa rokok ke sekolah selepas di dapati bawah terdapat rokok di dalam beg sekolah mereka.

“Razali menyeluk ke dalam beg Iman. Mengeluarkan mancis dan kotak rokok dalam beg Iman. Razali mengangkat kotak rokok supaya guru besar sekolah dan guru-guru sekolah lain nampak apa yang dipegangnya.”

(Juri Durabi, 2017: 67)

Dengan bukti yang ada, beliau mengambil tindak dengan menjatuhkan hukuman mencuci tandas. Tindak ini diambil bagi memastikan kesalahan tersebut tidak berulang dan memberi pengajaran kepada pelajar lain agar tidak melanggar peraturan sekolah.

“Peristiwa Iman dan Ah Kiong dituduh oleh Razali dan kawan-kawannya, menyebabkan Iman dan Ah Kiong dihukum mencuci tandas selama dua minggu oleh guru besar.”

(Juri Durabi, 2017: 73)

Situasi yang digambarkan dalam novel *Iman dan Ah Kiong* merupakan satu situasi yang sama digambarkan dan diceritakan dalam *Kisah Si Rambai* (2022) iaitu salah laku pelajar. Masalah ketidakhadiran Rambai, Visnu dan Ah Siong merupakan satu tugas di bawah seliaan guru kelas iaitu Cikgu Adra. Ketidakhadiran mereka berdua tanpa alasan yang kukuh menyebabkan Cikgu Adra mengambil tindakan awal dengan melaporkan kepada guru disiplin. Ketidakhadiran murid ke sekolah tanpa alasan yang kukuh merupakan satu kesalahan disiplin.

“Cikgu Afiq, bukan mereka tidak datang berjumpa kita, malah mereka telah melakukan satu kesalahan lagi iaitu lari dari sekolah.” - Cikgu Firdaus.

“Kes ini makin berat. Kita mesti ambil tindak segera. Tahun ini, mereka akan menduduki peperiksaan UPSR. Paling utama, kita kena siasat mengapa seorang murid harapan kita, Rambai tidak datang ke sekolah.” - Cikgu Afiq.

(Zaid Md Saman, 2022: 23)

Oleh itu, bagi membanteras masalah tersebut Cikgu Afiq menyokong cadangan Cikgu Adra untuk berjumpa dengan ibu bapa mereka untuk mengenal pasti mengapa mereka tidak hadir ke sekolah.

“Emm ... apa kata minggu hadapan kita pergi ke tempat tinggal mereka. Kita berjumpa dengan ibu dan bapa murid-murid kita itu. Nanti, pihak sekolah hantar surat rasmi.” Cikgu Adra memberi cadangan.

(Juri Durabi, 2022: 24)

Oleh itu, dengan persetujuan pihak sekolah, guru-guru yang terlibat mengadakan perjumpaan bersama waris bagi kelas 6 Maju. Hal ini bertujuan untuk membanteras masalah ponteng dalam kalangan pelajar di samping mengenal pasti masalah atau kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Begitu juga dengan masalah salah laku Visnu, Ah Siong dan Kopi ditangani oleh AJK guru disiplin iaitu Cikgu Afiq. Bagi mengatasi masalah Visnu, Ah Siong dan Kopi yang melanggar peraturan iaitu merokok, berjudi dan mencederakan Rambai, mereka bertiga telah dikenakan tindakan disiplin iaitu digantung persekolahan selama beberapa minggu oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan persetujuan bersama AJK guru disiplin serta ibu bapa pelajar tersebut. Petikan di bawah menjelaskan tentang tindakan yang diambil oleh Pejabat Pendidikan Daerah terhadap salah laku murid;

“Setelah perbincangan diadakan, semua pihak telah bersetuju dengan akur dengan keputusan pihak Pejabat Pendidikan Daerah menggantung persekolahan Visnu, Ah Siong, Kopi dan Faizal selama beberapa minggu. Mereka hanya dibenarkan datang semula bagi menduduki peperiksaan UPSR yang tidak lama lagi akan dijalankan.”

(Zaid Md Saman, 2022: 117-118)

Seterusnya, dalam novel Mengusung Rumah Lama (2023), aspek kawalan dititikberatkan dalam aktiviti mengusung rumah agar dapat diusung mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Shahmunir sebagai tekong bagi mengusung rumah mengarahkan badang-badang supaya memastikan agar ikatan di setiap penjuru rumah diikat dengan kemas dan menggunakan teknik yang betul agar tidak mudah terbuka ikatannya apabila proses mengusung rumah dilakukan. Justeru itu, beliau juga berperanan sebagai pemberi arahan dan penunjuk arah kepada badang-badang yang lain semasa mengangkat rumah. Hal ini bertujuan untuk memastikan tiada halangan seperti pokok atau parit sepanjang jalan atau laluan mengusung rumah. Hal ini diakui dengan jelas oleh Shahmunir tentang peranannya sebagai ketua mengusung rumah iaitu;

“Ya, saya faham. Peranan tekong, selain pengusung rumah, tekong atau penunjuk arah berperanan penting bagi memastikan rumah yang diusung tidak melanggar pokok atau halangan lain. Dia akan memaklumkan jika terdapat halangan di hadapan termasuk bonggol, tunggul pokok atau kubang dan parit supaya lebih berhati-hati.”

(Ahmad Safarman Dollah, 2023: 132)

PENUTUP

Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip pengurusan yang diutarakan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) diketengahkan dalam novel kanak-kanak pilihan terbitan DBP. Novel *Mengusung Rumah Lama* (2023) dan *Istana Batang Aiskrim* (2018) menerapkan prinsip perancangan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Manakala *Kisah Si Rambai* (2022) dan *Mengusung Rumah Lama* (2023) menonjolkan prinsip pengorganisasian yang terdapat sesebuah organisasi. Justeru itu, prinsip kepimpinan juga merupakan satu elemen penting dalam membentuk jati diri pemimpin yang berkesan dalam kalangan kanak-kanak. Prinsip kepimpinan ini ditonjolkan dalam novel *Iman dan Ah Kiong* (2017), *Mengusung Rumah Lama* (2023) dan *Kisah Si Rambai* (2022). Ketiga-tiga novel ini

menonjolkan beberapa ciri pimpinan yang berkesan iaitu berpengetahuan atau bijaksana, berpandangan jauh dan bertanggungjawab. Seterusnya, prinsip tenaga kerja juga merupakan satu prinsip yang penting dalam pengurusan organisasi. Kesemua novel yang dikaji iaitu novel *Kisah Si Rambai* (2022), *Mengusung Rumah Lama* (2023), *Istana Batang Aiskrim* (2018) dan *Iman dan Ah Kiong* (2017) menggambarkan adanya tenaga kerja dalam pentadbiran sekolah dan aktiviti kemasyarakatan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, Z., Wahid, A. A., & Ali, A. H. (2020). *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Imam*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 8(2), 16-27.
- Ahmad Safarman Dollah. (2023). *Mengusung Rumah Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, T. I. M. T. M., Ja'afar, S., Omar, M. S., & Shafei, M. (2021). *Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 9(2), 24-34.
- Arifin, N. M., Rani, M. Z. A., Kamarudin, K., & Ismail, M. Z. (2019). *Novel Islami: Satu Analisis Teks Terhadap Nian Hati Salsabila Karya Zahiruddin Zabidi*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 30(1), 188-210.
- Arumugam, K., & Ali, R. M. (2019). *Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika: Children's Books*. PENDETA, 10, 151-165.
- Aziz, M. A., & Affendi, N. R. N. M. (2019). *Patriotisme Peribadi Dalam Novel-Novel Pilihan*. Jurnal Melayu Sedunia, 2(1), 63-92.
- Azman Che Omar. (2001). *Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beden, S. (2018). *Perancangan Bestari Dalam "Hikayat Khoja Maimun": Aplikasi Prinsip Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan*. Malay Literature, 31(1), 69-97.
- Beden, S. (2020). *Potret Kepimpinan Wanita dalam Wajah Seorang Wanita dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Malay Literature, 33(2), 265-294.
- Derak, R. (2020). *Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara Karya Faisal Tehrani*. PENDETA, 11(2), 44-54.
- Derak, R., & Amat, A. (2016). *Perjuangan Wanita dalam Novel Surat-Surat Perempuan Johor*. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), 24.
- Drs. Ero H. Rosyidi. (1984). *Organisasi dan Management*. Bandung: Penerbit Alumni.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hoon, K. D., Ismail, H., & Hashim, N. (2023). *Kajian Pandangan Dunia Antipenjajahan Jepun Dalam Novel-Novel Terpilih Berdasarkan Teori Strukturalisme Genetik*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 34(2), 17-32.
- Idrus, A. I., & Asik, A. N. H. A. (2023). *Unsur Emosi dalam Novel Cukup Derita Itu Karya Siti Rosmizah Semail*. Malay Literature, 36(2).
- Ismail, M. Z., Beden, S., & Abu Hassan, M. M. (2015). *Keintelektualan Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal Berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Journal of Business and Social Development, 3(2), 1-16.
- Ismail, M. Z., & Hassan, M. M. (2017). *Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Journal of Business and Social Development, 5(1), 123-139.
- Ismail, M. Z., Beden, S., & Hassan, M. M. A. (2015). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 26(1), 95-116.
- Ismail, M. Z., & Hassan, M. M. A. (2016). *Dimensi Perancangan Dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 27(1), 25-4.
- Ismail, M. Z., Mohamad, A. H., & Johari, A. (2022). *Perancangan Rapi dalam Silir Daksina dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 33(2), 118-145.
- Jaafar Muhamad. (1992). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti. Jaafar Muhammad. (1993). *Asas Pengurusan Perniagaan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Jaafar Muhamad. (1996). *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Junaidi, R., Ali, T. I. M. T. M., & Mamat, M. (2018). *Mesosistem Dalam Novel Kanak-kanak Terpilih*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 29(1), 181-200.
- Junaidi, R., Ali, T. I. M. T. M., & Mamat, M. (2019). *Perubahan Persekitaran Mempengaruhi Kanak-kanak Dalam Novel Terpilih*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 7(1), 125-151.
- Junaidi, R. B. (2020). *Persekitaran Yang Membentuk Modal Insan dalam Novel Kanak-kanak*. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB), 31(1).
- Juri Durabi. (2017). *Iman dan Ah Kiong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mamat, S. F. (2019). *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-kanak*. Jurnal Kesidang, 4(1), 77-89.
- Mohamad Zuber, I. (2017). *Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan*. Doctoral dissertation: University of Malaya.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2022). *Pendekatan Pengurusan: Penerapan Terhadap Karya Sastera*. Puchong Jaya: MK e-Solutions.
- Mohd, F. H., Affendi, N. R. N. M., Husin, F., Sarudin, A., & Rusli, N. F. M. Adab Berkomunikasi Secara Berkesan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan. Jurnal Komunikasi, 39(1), 514-533.
- Muhayat, F., Affendi, N. R. N. M., & Husin, F. (2023). *Integrasi Nasional Dalam Novel Kanak-kanak Terpilih*. Jurnal Kajian Malaysia, 41(1), 235-262.
- Narmi, A., Rani, M. Z. A., Kamarudin, K., & Hajimaming, P. (2020). *Pujangga Melayu Karya Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan terhadap Resepsi Awal Penerbitannya sebagai Sebuah 'Novel Tetralogi'*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 3(2), 1-19.
- Nasir, M. S., & Teh, K. S. M. (2021). *Elemen Nilai Dalam Teks Sastera Kisah Para Nabi Untuk Bacaan Kanak-kanak Menurut Perspektif al-Nadwi*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 14-26.
- Nasir, M. S., & Teh, K. S. M. (2020). *Tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami Menurut Perspektif al-Nadwi*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 21(3), 37-59.
- Nurul Aida Abd Rahman. (2018). *Istana Batang Aiskrim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Othman Puteh & Abdul Ahmad. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Mat Zin. (1998). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Rahim Abdullah. (1994). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Sabri Hj. Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan B. Rahid dan Ruhana Busu. (2004). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). *Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor*. Asian People Journal (APJ), 3(1), 45-63.
- Sondiang P. Siagian. (1981). *Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhaini, N. M., Saludin, M. R., & Wahid, A. (2017). *Keupayaan Pengurusan Intelektualisme Kanak-kanak dalam kekuasaan animasi Upin dan Ipin*. Jurnal Peradaban Melayu, 12, 71-87.
- Susanto, D., Prasajo, A., & Wati, R. (2021). *Wacana Estetika Islam Dalam Sastera Kanak-kanak Indonesia Era Orde Baru Tahun 1980-an*. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 32(1), 1-14.
- Veeramuthu, S. P. (2019). *Kepemimpinan Dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan*. Asian People Journal (APJ), 2(1), 169-182.
- Yusof Ismail. (1991). *Mengurus Secara Islam*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen. Zaid Md Zain. (2022). *Kisah Si Rambai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2019). *Unsur Sains dan Sastera Dalam Novel Remaja Terpilih*. PENDETA, 10, 161-167.